



## Menjaga Hak Anda

Membincangkan Amalan Perniagaan Yang Sihat

# MESEJ



**"Kami telah menunjukkan secara efektif mengapa persaingan perlu dianggap sebagai kemestian bagi syarikat dan persatuan industri di Malaysia."**

Tahun ini merupakan tahun yang amat bermakna bagi Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana kami telah mengukuhkan kedudukan kami sebagai satu badan penguatkuasa yang amat penting dalam kerangka pengawalseliaan negara. Walaupun penubuhan MyCC hampir mencecah tiga tahun, *Akta Persaingan 2010* hanya dikuatkuasakan pada 2012, maka konsep undang-undang persaingan masih agak baru di Malaysia. Sehubungan itu, tahun 2013 perlu dikenali sebagai 'tahun kebangkitan' MyCC melalui program-program advokasi dan penglibatan yang dijalankan terhadap orang awam.

Kami amat gembira kerana dapat memantau persaingan di Malaysia sebagai badan penguatkuasa yang utama. Walau bagaimanapun, kami juga sering bekerjasama dengan badan-badan penguatkuasaan persaingan serata dunia, serta saling bertukar pandangan dan mempelajari antara satu sama lain. Sebab itulah kerjasama dua hala dan kerjasama pelbagai hala adalah sangat penting bagi memastikan kemajuan suruhanjaya persaingan dan badan-badan kawal selia yang lain yang seumpama dengannya.

Di MyCC, kami telah menunjukkan komitmen dalam berkongsi pengetahuan melalui lawatan ke badan penguatkuasa

persaingan seperti Indonesia dan Singapura dan juga mengambil bahagian dalam persidangan antarabangsa anjuran *International Competition Network (ICN)*, ASEAN dan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Kami juga berbangga kerana telah berjaya menganjurkan *Persidangan Undang-Undang Persaingan MyCC yang Pertama* pada 25 dan 26 September 2013. Acara ini telah menarik penyertaan pakar undang-undang persaingan dari seluruh dunia, serta wakil-wakil industri Malaysia. Kejayaan forum ini diikuti pelancaran buku panduan '*Competition Act 2010: Compliance Guidelines*'. Kedua-dua peristiwa tersebut telah terus memantapkan kedudukan MyCC sebagai penyumbang aktif dalam perbincangan amalan terbaik dalam undang-undang persaingan.

Pada tahun 2014, MyCC berharap agar terus berkembang dengan lebih luas. Kami akan bekerja lebih keras untuk terus memajukan persaingan, serta terus menunjukkan kepentingannya dalam agenda pembangunan negara. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj dan pasukannya, serta setiap rakan seusahaan kami sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

## **Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob**

Pengerusi, Suruhanjaya Persaingan Malaysia

## **Sidang Redaksi**

### **Penasihat**

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob  
Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh

**Ketua Sidang Pengarang**  
Shila Dorai Raj

**Pengarang**  
Rowena Wong

**Pasukan Pemberita**  
Unit Komunikasi Korporat

Bagi segala sumbangan dan pertanyaan editorial, sila emel [ccu@mycc.gov.my](mailto:ccu@mycc.gov.my)

**Penerbit dan Pengedar**  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
Level 15, Menara SSM@Sentral,  
No 7, Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral  
50623 Kuala Lumpur

Untuk maklumat lanjut berkaitan MyCC,  
sila kunjungi:

Laman web rasmi MyCC:  
[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



[www.youtube.com/MyCompetitionNews](http://www.youtube.com/MyCompetitionNews)



[www.facebook.com/theMyCC](http://www.facebook.com/theMyCC)

**Penghasilan dan Konsep oleh**  
AMG Holdings International Sdn. Bhd. (356247-V)  
No. 10-3A, Jalan PJU8/3,  
Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +603 7729 4886  
Fax: +603 7729 4887

**Dicetak oleh**  
Percetakan Skyline Sdn. Bhd.  
(135134-V)  
No. 35 & 37, Jalan 12/32B,  
Jalan Kepong, 52100 Kuala Lumpur, Malaysia

**Penafian:**  
Penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula  
sama ada sebahagian atau sepenuhnya tanpa  
kebenaran daripada Suruhanjaya Persaingan  
Malaysia (MyCC). Untuk pertanyaan, sila e-mel  
[enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my), telefon +603-2272  
2293 atau faks +603-2272 1692.



Adakah anda mempunyai soalan berkaitan dengan tatacara dan polisi MyCC? **MyCompetition News** menerbitkan beberapa soalan yang kerap diajukan oleh usahawan dan masyarakat.

**Q** Saya seorang pegawai perolehan yang mengesyaki pembida terlibat dalam pakatan sulit. Apakah tanda-tanda yang boleh mengesan kemungkinan bahawa aktiviti tersebut sedang berlaku?

**A** Terdapat beberapa contoh aktiviti yang mencurigakan termasuk perbezaan harga yang besar antara pembida yang menang dan kalah, pembida menarik diri daripada bidaan, pembida tertentu tidak pernah memenangi bidaan manakala pembida yang kalah ditawarkan subkontrak daripada pembida yang telah menang. Bagi dokumen yang dikemukakan, petanda yang paling jelas bagi mengesan penipuan bida termasuk kesilapan ejaan dan pengiraan yang serupa daripada pembida berlainan.

Ini hanyalah beberapa contoh yang dinyatakan. Pegawai perolehan perlu merujuk kepada senarai yang lebih menyeluruh dalam buku panduan OECD *Guidelines For Fighting Bid Rigging in Public Procurement*. Penerbitan ini sedang diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan boleh disemak di laman web MyCC dan OECD pada masa terdekat.



**Q** Saya menjalankan sebuah persatuan industri di mana ahli-ahlinya biasa berkongsi maklumat berkaitan harga. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

**A** Persatuan industri perlu mengkaji semula peraturan kemasukan, terma dan syarat, kod bidang serta skim pensijilan, bagi menghapuskan syarat-syarat anti-persaingan yang menyingkirkan pemain tertentu daripada penyertaan dalam pasaran.

Walaupun keputusan bersama mengenai skema harga adalah dilarang dibawah *Akta Persaingan 2010* (AP 2010), perkongsian data dan statistik mengenai industri seharusnya tidak menimbulkan isu-isu pematuhan, dengan syarat bahawa data itu dikumpulkan dan diterbitkan tanpa merujuk kepada pihak yang khusus. Ini bermaksud setiap ahli tidak dapat mengenal pasti kadar yang dikenakan oleh ahli lain.

MyCC tidak mahu melihat hasil kerja persatuan di Malaysia yang cemerlang terganggu oleh pendekatan yang terlalu berhati-hati kepada AP 2010, di samping menggalakkan semua persatuan untuk menerima pakai dasar-dasar pematuhan yang telah disebarluaskan kepada semua ahli sedia ada serta ahli baru.

Persatuan juga dinasihatkan supaya menggalakkan ahlinya menjalani latihan undang-undang persaingan ke arah memastikan pematuhan kepada AP 2010. Langkah ini akan memberi manfaat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), yang kebanyakannya masih bergantung kepada persatuan untuk panduan berkenaan amalan industri terbaik serta akses kepada latihan industri yang berkaitan.



# SOROTAN MyCC

Berikut adalah beberapa acara dan aktiviti, yang dianjurkan atau yang disertai oleh MyCC dalam menjalankan kewajipannya.

## Perlindungan Perolehan

Dari 25 hingga 27 Jun, MyCC menganjurkan Bengkel Memerangi Tipuan Bida, dengan kerjasama *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan *Korea Policy Centre (KPC)* di Kuala Lumpur.

Bengkel ini membincangkan strategi dalam menangani penipuan tender dari perspektif kedua-dua pihak berkuasa persaingan dan pegawai-pegawai perolehan awam. Ia telah dihadiri oleh 30 wakil-wakil pihak berkuasa negara dan 60 pegawai-pegawai perolehan daripada pelbagai agensi kerajaan Malaysia.

Objektif seminar ini adalah untuk melengkapkan semua peserta dengan pengetahuan mengenai kaedah strategi penyiasatan dan penguatkuasaan terkini yang digunakan untuk mengesan dan menghapuskan tipuan bida.



Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj menyampaikan ucapan kepada pihak berkuasa persaingan semasa Bengkel Memerangi Tipuan Bida.

## Berkongsi Panduan Bersama Syarikat Perniagaan

Pada 2 September, MyCC telah melancarkan satu buku panduan yang bertajuk 'Competition Act 2010: Compliance Guidelines.' Dato' Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah merasmikan majlis itu, bersama Ahli Suruhanjaya MyCC, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh dan Ketua Pegawai Eksekutif, Shila Dorai Raj.

Pelancaran panduan ini adalah sebahagian daripada usaha MyCC yang berterusan untuk mendidik orang ramai, terutama pengusaha dan ahli perniagaan, mengenai Akta Persaingan 2010 dan cara-cara untuk menjalankan perniagaan selari dengan peruntukan undang-undang. Majlis ini turut diikuti dengan dua pelancaran di Sarawak dan Sabah pada 28 dan 29 November.



Dari kiri: Ahli Suruhanjaya MyCC, Abd Malek Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif, Shila Dorai Raj, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, Dato' Hasan Malek, dan Ahli Suruhanjaya, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh, Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria dan Prof Datin Dr Hasnah Haron, bergambar dengan buku panduan yang baru dilancarkan.



Dari kiri: Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj, Ahli Suruhanjaya, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh dan Ketua Unit Undang-Undang, Dhaniah Ahmad, pada sesi dialog bersama ahli-ahli dewan perniagaan selepas pelancaran 'Competition Act 2010: Compliance Guidelines.'

## Menghubungkan Perusahaan

Berikutan pelancaran buku panduan MyCC 'Competition Act 2010: Compliance Guidelines,' Suruhanjaya telah mengadakan sesi dialog dengan ahli-ahli dewan perniagaan. Moderator MyCC, Ahli Suruhanjaya Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh menyatakan bahawa dewan perniagaan memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat kepada ahli-ahli mereka. Oleh itu, MyCC telah mengambil kesempatan daripada rangkaian ini untuk menyebarkan kesedaran mengenai isu-isu persaingan.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj juga mendedahkan bahawa sejak bulan Januari 2012, apabila Akta Persaingan 2010 mula dikuatkuasakan, MyCC telah memulakan siasatan terhadap 26 kes daripada 40 aduan yang telah diterima sehingga kini kerana baki kes aduan adalah di luar bidang kuasa Suruhanjaya.

## Memupuk Persaingan

Pada 25 dan 26 September, Persidangan Undang-Undang Persaingan MyCC yang Pertama telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, persidangan ini menarik lebih daripada 20 pakar industri dan undang-undang serta 500 peserta dari segenap sektor perniagaan di Malaysia.

Dalam tempoh dua hari, pelbagai sesi taklimat dan seminar telah dijalankan, yang merangkumi isu-isu seperti tipuan bida, perjanjian menegak, berkongsi pasaran dan penguatkuasaan persaingan. Setiap perbincangan mengenai isu yang berbeza dalam undang-undang persaingan dipaparkan dari sudut undang-undang dan kewangan.



Dari kiri: Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan, Dato' Hasan Malek, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj dan Pengerusi, Tan Sri Dato' Seri Norma Yaakob pada majlis pelancaran 'Competition Act 2010: Compliance Guidelines' semasa Persidangan Undang-Undang Persaingan MyCC yang Pertama.

## Sorotan MyCC

### Memajukan Advokasi

Sebagai ahli *Working Group on Developing Strategy and Tools for Regional Advocacy* di ASEAN Experts Group on Competition (AEGC), MyCC telah menyertai mesyuarat ketiga kumpulan kerja ini, pada 10 dan 11 Oktober di Bangkok.

Pembangunan portal web AEGC demi meningkatkan lagi kesedaran serantau tentang dasar dan undang-undang persaingan telah dimuktamadkan pada mesyuarat tersebut.

Pengerusi Kumpulan Kerja dan Naib Pengerusi AEGC, diapit oleh perunding, Sekretariat ASEAN dan perwakilan dari negara-negara anggota ASEAN. Mewakili MyCC adalah Rowena Wong (baris kedua, keenam dari kiri), Ketua Unit Komunikasi Korporat, dan Eksekutif Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa, Ayuda Sari Ismail (baris kedua, kelima dari kiri).

### Menjana Penyelidikan

Pada 28 Oktober, MyCC menganugerahkan dana berjumlah RM200,000 kepada lapan pemohon yang berjaya di Kuala Lumpur, di bawah Program Penyelidikan Geran MyCC (RGP), yang telah ditubuhkan pada Disember 2012.

Hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah RGP akan dapat meluaskan lagi pengetahuan mengenai isu-isu persaingan dalam Bidang Penyelidikan Strategik MyCC dan mewujudkan gambaran yang lebih jelas mengenai kuasa daya saing perusahaan Malaysia.

Permohonan RGP dibuka dari Januari hingga April 2013 dengan jemputan yang dihantar ke universiti, institut penyelidikan, badan pemikir dan organisasi masyarakat awam. MyCC kini sedang merancang peruntukan geran untuk tahun 2014.



Hadapan, dari kiri: Ahli Suruhanjaya MyCC, Abd Malek Ahmad dan Prof Dato' Dr Sothi Rachagan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Shila Dorai Raj bersama penerima geran dari pelbagai universiti Malaysia dan antarabangsa.

### Meningkatkan Kesedaran Di Rantau ASEAN

Dari 12 hingga 15 November, MyCC telah menghadiri mesyuarat AEGC dwi-tahunan yang ke-12 di Cebu, Filipina, bersama-sama dengan pihak berkuasa persaingan dari seluruh rantau ASEAN.

Acara ini telah menyaksikan pelancaran bahan-bahan advokasi yang dihasilkan oleh *Working Group on Developing Strategy and Tools for Regional Advocacy*. Antaranya adalah laman web *Dasar dan Undang-undang Persaingan ASEAN*, yang mengedarkan bahan-bahan kesedaran AEGC secara digital dan menyediakan maklumat terkini mengenai kes-kes persaingan serantau. Sumber ini adalah kunci utama penyampaian *Blueprint Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2015*, dan boleh diakses di [www.aseancompetition.org](http://www.aseancompetition.org).



Pengerusi, Heiddi Venecia R. Barrozo (duduk, ketiga dari kanan), Pengarah Pejabat Persaingan di Jabatan Kehakiman, Filipina dengan perwakilan AEGC. Mewakili MyCC adalah Mohd Aidil Tupari (duduk, hijung kiri), Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa dan Valerie Mohan, seorang Eksekutif pada bahagian yang sama.



Ikut arah jam dari atas:

Dari kiri: Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan Sarawak semasa pelancaran di Kuching.

Dari kiri: Ahli Suruhanjaya MyCC, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh, Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan Penolong Pengarah Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan Sabah, Shevena Jumin Jeffrey pada majlis pelancaran buku panduan.

## Outreach Sabah dan Sarawak

Dua majlis pelancaran buku panduan MyCC telah diadakan di Sabah dan Sarawak pada bulan November. 'Competition Act 2010: A Guide For Business' yang dilancarkan pada bulan September di Kuala Lumpur menerangkan peraturan dan keperluan pematuhan untuk perniagaan. Buku panduan tersebut dilancarkan di Kuching pada 28 November dan di Kota Kinabalu pada hari kemudiannya.

Sesi dialog dan rundingan meja bulat dengan persatuan perniagaan telah diadakan berikutan pelancaran buku panduan di kedua-dua lokasi. Pihak pengantara termasuklah Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa Mohd Aidil Tupari dan Eksekutif Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan Suren Rajah. Ahli Suruhanjaya MyCC, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh juga turut serta dalam prosiding yang diadakan di Sabah.



Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj (barisan belakang, ketujuh dari kiri), Mohd Aidil Tupari (barisan belakang, keenam dari kanan), Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa, Iskandar Ismail (barisan belakang, tiga dari kanan), Pengarah Bahagian Penguatkuasa & Penyiasatan dengan Ketua Unit dan kakitangan MyCC yang lain.

## Mengatur Strategi di Langkawi

Langkawi, Kedah adalah destinasi yang dipilih bagi *Retreat* Perancangan Strategik MyCC untuk perangkaan strategi, penilaian kemajuan dan perumusan pelan tindakan untuk tahun 2014.

Program *team building* telah diadakan semasa lawatan tersebut berlangsung dari 5 hingga 8 Disember untuk menetapkan hala tuju tahun 2014 yang berkesan untuk mempromosikan dan memupuk budaya persaingan di Malaysia.

Untuk acara-acara terkini, layari [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my). Sila kemukakan pemohonan anda untuk menganjurkan seminar mengenai Akta Persaingan 2010 ke Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa di [spiad@mycc.gov.my](mailto:spiad@mycc.gov.my).

# RENCANA UTAMA

## PIAWAIAN DALAM PERSAINGAN

Persidangan Undang-Undang Persaingan MyCC yang Pertama berjaya dilancarkan baru-baru ini dan disertai lebih daripada 500 wakil industri dari Malaysia dan serantau ASEAN dan Asia. Berlangsung selama dua hari, persidangan tersebut dihadiri lebih daripada 20 pakar undang-undang persaingan, yang telah mengawal selia dan mengamalkan undang-undang persaingan di kira-kira 60 buah negara yang meliputi hampir setiap rantau di seluruh dunia.



Dari kiri: Ahli Suruhanjaya MyCC, Dato' Saripuddin Kasim, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan Malek, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin, Pengurus MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj dan Ahli Suruhanjaya MyCC, Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh pada majlis pelancaran perenbitan terkini MyCC iaitu 'Competition Act 2010: Compliance Guidelines' yang dirasmikan sejurus selepas perasmian persidangan.



**"Mengenakan denda dengan kaedah yang betul harus menjadi keutamaan. Dalam pelbagai bidang kuasa, denda yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat yang melanggar undang-undang adalah begitu rendah dan mereka menganggap bahawa itu hanyalah sebagai "yuran pelesenan" yang mengizinkan mereka melanggar undang-undang kerana ianya tidak mempunyai nilai pencegahan. [MyCC] perlu sensitif terhadap perkara tersebut."**

**Dr Shyam Khemani** – Ketua Pakar Ekonomi, Microeconomic Consulting & Research Associates (MiCRA), menjelaskan strategi utama untuk membangunkan rejim persaingan, seperti yang dibincangkan dalam sesi pembentangan beliau mengenai kesan-kesan penetapan harga jualan semula keatas persaingan.

**"[Jika] tender direka dengan cara yang menjadikannya mustahil bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk melaksanakan kontrak secara keseluruhan, MyCC boleh bekerjasama dengan pihak perolehan kerajaan untuk meminda reka bentuk tender supaya dapat disertai oleh jumlah peserta yang maksimum."**

**Hilary Jennings** – Ketua Program Perhubungan Global, Bahagian Persaingan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), menjelaskan semasa sesi perbincangan beliau mengenai kaedah bagi menghalang PKS daripada terlibat dalam tipuan bida.



Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin telah merasmikan majlis perasmian Persidangan Undang-Undang Persaingan MyCC yang Pertama pada 25 dan 26 September di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Ucapan alu-aluan persidangan juga telah disampaikan oleh Pengurus MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan Malek.

Dalam ucaptama Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin, beliau memaklumkan kepada hadirin bahawa amalan anti-persaingan adalah sama seperti mencuri dan sehubungan itu tiada sebarang segmen industri

yang perlu dikecualikan daripada mana-mana peruntukan dalam Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Timbalan Perdana Menteri juga menegaskan bahawa pematuhan yang ketat akan memberikan pelbagai manfaat kepada pengguna dan perniagaan, seperti harga yang lebih rendah, kualiti yang lebih tinggi, serta penambahbaikan inovasi dan peningkatan produktiviti.

## Rencana Utama

---



**[MyCC dan Competition Commission of Singapore]** telah berkongsi pelbagai idea dan ia telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa kedua-dua negara. Selain itu, perkongsian maklumat telah diadakan pada platform ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) di mana pihak berkuasa dari pelbagai negara bersama-sama membincangkan hala tuju tersendiri.”

**Yena Lim** – Ketua Eksekutif dan Ahli Suruhanjaya, Competition Commission of Singapore, memaklumkan mengenai kerjasama antara pihak berkuasa persaingan semasa sesi plenari beliau mengenai kaedah dalam memastikan undang-undang persaingan sentiasa dipatuhi.

**“Seseorang perlu senantiasa menjalankan analisis ekonomi yang wajar bagi setiap perjanjian atau amalan tertentu. Tiada yang boleh dikecualikan dalam perkara ini. Walaupun sesetengah pelanggaran undang-undang adalah jelas, terdapat juga pelanggaran lain yang melibatkan analisis undang-undang dan ekonomi yang sangat rumit.”**

**Prof Richard Whish** – Bekas Profesor Undang-Undang di King’s College, London, berkongsi pandangan beliau mengenai pertimbangan undang-undang dan ekonomi dalam undang-undang persaingan, seperti yang dibentangkan semasa sesi perbincangan beliau mengenai perjanjian menegak.



**“Kita perlu menjadikan ia menjadi lebih mudah bagi [PKS] untuk memahami [undang-undang] persaingan dalam bahasa yang mudah difahami dan dalam masa yang sama juga senang untuk dipatuhi. Kita juga perlu menyedari bahawa PKS tidak memiliki kemudahan yang sama seperti perniagaan yang besar dan ia adalah jauh lebih sukar bagi PKS untuk melakukan perkara-perkara sebegini.”**

**Dr Michael Schaper** – Timbalan Pengerusi, Australian Competition & Consumer Commission, bercakap mengenai kaedah untuk menggalakkan pematuhan PKS, semasa sesi perbincangan beliau mengenai kesan undang-undang persaingan kepada PKS.





Sejurus selepas majlis perasmian persidangan itu, Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin bersama-sama dengan Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob turut melancarkan 'Competition Act 2010: Compliance Guidelines.' Menurut Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, garis panduan itu diterbitkan bertujuan untuk dijadikan sebagai suatu panduan umum berkenaan langkah-langkah penting untuk menubuhkan inisiatif dalaman yang menggalakkan kepada pematuhan AP 2010. Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob turut menekankan kepentingan bagi syarikat-syarikat untuk mengkaji semula prosedur pembentukan perjanjian dalam kalangan mereka, sekaligus bakal meminimakan kebarangkalian pelanggaran akta itu.

Dari atas (mengikut arah jam):

Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob (tiga dari kanan) bersama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin (di sebelah kanan beliau), serta Ahli Suruhanjaya MyCC yang lain.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan Malek, menjelaskan sejarah dan latar belakang undang-undang persaingan dalam Malaysia.

David Stalibrass, Pakar Ekonomi Persaingan untuk UK Office of Fair Trading, berkongsi beberapa perspektif ekonomi mengenai manfaat, potensi dan ancaman kepada persaingan yang ditimbulkan menerusi skala bayaran.

Ahli Suruhanjaya MyCC, Prof Dato' Dr Sothi Rachagan menentukan arah persidangan ini dengan penggulungan yang menyeluruh mengenai pembangunan undang-undang persaingan di Malaysia.



Atas ke bawah:

Dari kiri: Ahli Suruhanjaya MyCC, Raghunath Kesavan, bekas Pegawai Penyemak European Commission, Michael Albers, Pengurus Suruhanjaya bagi *Supervision of Business Competition, Indonesia* (KPPU), Ir Muhammad Nawir Messi dan Dekan *Australia & New Zealand School of Government*, Prof Allan Fels menjelaskan perbezaan dalam pelaksanaan undang-undang persaingan dalam setiap bidang kuasa mereka.

Dari kiri: Pengarah Undang-undang Asia Tenggara dan Australasia, CD/Competition Law-Asia Unilever Asia, Saswata Mukherjee, Pegawai Kanan – Undang-undang Persaingan Eropah, Government Affairs & Policy General Electric Company, Kaarli Harry Eichhorn, Dekan *Australia & New Zealand School of Government*, Prof Allan Fels dan Penasihat Umum Exxon/Mobil, Exploration & Production Malaysia (EMEPMI), Lee Bao Keng telah membincangkan pelanggaran dan pelbagai pendekatan kepada penguatkuasaan.

Prof Dr Iwakazu Takahashi, Profesor Undang-undang di Sekolah Pengajian Siswazah Undang-Undang, *Meiji University* memberikan gambaran kepada peserta berhubung aktiviti tipuan bida di Jepun, termasuk contoh yang disebabkan oleh pegawai-pegawai kerajaan, serta langkah pencegahan yang diperkenalkan seperti pembidaan persaingan yang selektif.



Persidangan Undang-Undang Persaingan MyCC yang Pertama adalah satu peristiwa penting dalam pelaksanaan undang-undang persaingan di rantau ini, dengan pelbagai pengalaman berpengalaman dalam bidang kuasa berkaitan membantu peserta mendapatkan maklumat yang tidak ternilai mengenai AP 2010, dan juga cara-cara MyCC mentafsir isu-isu tertentu berkenaan persaingan.

# KAJIAN KES

Sejak awal tahun 2012 apabila Akta Persaingan 2010 ditegakkan, MyCC telah menyiasat beberapa kejadian salah laku melibatkan amalan anti-persaingan. Seksyen yang berikut mengetengahkan beberapa contoh kes terbaru dan melaporkan tindakan yang diambil oleh MyCC untuk menerapkan semangat persaingan di Malaysia.

## PEWARTAAN PERJANJIAN BERKONGSI

Malaysia Airlines System dan AirAsia Berhad



Malaysia Airlines System (MAS) dan AirAsia Berhad (AirAsia) yang merupakan antara syarikat penerbangan terbesar di Malaysia didapati telah terlibat dalam perjanjian perkongsian pasaran dalam bentuk Rangka Kerja Kerjasama Komprehensif yang dimeterai pada Ogos 2011.

Pengendali kedua-dua syarikat penerbangan ini telah membahagikan laluan domestik dalam kalangan mereka. Setelah langkah-langkah penelitian dilakukan oleh MyCC,

kedua-dua syarikat penerbangan didapati telah melanggar Seksyen 4(2)(b) Akta Persaingan 2010 (AP 2010). "Perkongsian pasaran dianggap sebagai pelanggaran serius di bawah AP 2010 kerana ia dianggap sebagai menghalang, menyekat, atau mengganggu persaingan dalam apa-apa pasaran bagi barang dan perkhidmatan," ujar Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaacob yang mengulas mengenai kes itu. "Apabila perniagaan bersetuju untuk berkongsi pasaran, mereka bersetuju untuk berhenti bersaing yang seterusnya menyebabkan kerugian bagi pihak pengguna," tambahnya.

Cadangan denda sebanyak RM10 juta telah dikenakan ke atas setiap syarikat penerbangan yang terlibat, dengan mengambil kira kerjasama dalam penyiasatan dan juga penamatan perkongsian laluan secara sukarela dan tumpuan pasaran yang dinyatakan dalam Perjanjian Kerjasama syarikat penerbangan itu dalam Perjanjian Tambahan mereka bertarikh 2 Mei 2012.

## MEMECAHKAN GENGGAMAN

Megasteel Sdn Bhd

Pada 1 November, Megasteel Sdn Bhd (Megasteel) didapati melanggar Seksyen 10(1) Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dengan menyalahgunakan kedudukan dominannya. Syarikat ini mengeluarkan kedua-dua Hot Rolled Coil (HRC) dan Cold Rolled Coil (CRC) tetapi

mempunyai monopoli ke atas pengeluaran HRC.

Megasteel menetapkan harga CRC yang lebih murah berbanding dengan pesaingnya, sementara harga HRC – input penting untuk pengeluaran CRC

– tinggi dan tidak seimbang. Tindakan ini yang dikatakan menyalahgunakan kedudukan dominannya dianggap sebagai himpit margin dan menyalahi undang-undang di bawah AP 2010.

MyCC mengeluarkan keputusan cadangkan untuk mengenakan denda sebanyak RM4.5 juta pada pengeluar keluli. Angka ini telah ditentukan setelah mempertimbangkan sifat produk, struktur pasaran, bahagian pasaran Megasteel, sekatan kemasukan, akibat dari tindakan Megasteel dan tahap keseriusan pelanggaran akta tersebut.

# MEMUDAHKAN OPERASI PERKAPALAN

Persatuan Pemilik Kapal Malaysia, Persatuan Pengusaha Perkapalan Malaysia dan Majlis Operator Pelabuhan Bersekutu Malaysia

Pada Disember 2013, MyCC telah meluluskan perintah pengecualian blok bersyarat (BEO) bagi perjanjian syarikat perkapalan dengan kenyataan yang menggemparkan industri perkapalan.

BEO ini dikeluarkan diikuti permohonan untuk pengecualian blok yang telah dikemukakan oleh beberapa pengendali perkapalan dan pelabuhan di bawah Persatuan Pemilik

Kapal Malaysia (MASA), Persatuan Pengusaha Perkapalan Malaysia (SAM) dan Majlis Operator Pelabuhan Bersekutu Malaysia (FMPOC) pada Disember 2011.

Keputusan MyCC untuk memberikan BEO ini berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas industri perkapalan, dan setelah rundingan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Satu siri rundingan awam telah diadakan sepanjang tempoh beberapa bulan mulai Februari tahun ini dan cadangan daripada semua pihak berkepentingan telah diambil kira dalam merangka pengecualian ini.

BEO ini merangkumi Perjanjian Perkongsian Kapal dan Perjanjian Perbincangan Sukarela yang dibuat di Malaysia ataupun mempunyai kesan ke atas perkhidmatan syarikat perkapalan tempatan.

Di bawah Seksyen 8 Akta Persaingan 2010 (AP 2010), MyCC mempunyai kuasa untuk memberikan BEO, tetapi ianya hanya boleh dilaksanakan apabila syarat-syarat tertentu dipatuhi. Pengecualian tersebut merealisasikan peningkatan kecekapan penting yang jika sebaliknya tidak dapat dicapai. Selain itu, kesan negatif perjanjian terhadap persaingan mesti berkadar kepada keuntungan dan BEO tidak boleh membenarkan syarikat-syarikat untuk menghapuskan persaingan sepenuhnya.

Salah satu kaveat penting ialah BEO tidak terpakai kepada Seksyen 10 AP 2010. Ini bermakna pengendalian kapal yang didapati menyalahgunakan kedudukan dominan mereka akan didakwa. Selain itu, ia tidak meliputi pengangkutan darat dan penyimpanan barang-barang.

BEO ini akan mula berkuatkuasa setelah diwartakan dan akan terus berkuatkuasa selama tiga tahun atau sehingga dibatalkan oleh MyCC. Tambahan lagi, kajian semula akan dilakukan oleh MyCC dua tahun selepas BEO dikuatkuasakan.



MyCC akan terus menyiasat sebarang kes dan jika perlu, amaran atau penalti akan diberikan, seiring dengan usaha berterusan untuk menghapuskan amalan anti persaingan di Malaysia. MyCC berharap dapat meningkatkan persaingan untuk faedah perniagaan, pengguna dan ekonomi Malaysia melalui penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 yang tegas.

Untuk butiran terperinci dan maklumat terkini, sila layari laman web MyCC ([www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)).

# PROGRAM PENEMPATAN

**K**erjasama merentasi sempadan antara badan berkuasa persaingan adalah penting untuk membantu mengukuhkan keupayaan dan meningkatkan pengetahuan. Satu cara utama untuk melaksanakannya adalah melalui peminjaman dan program penempatan.



## Geoffrey Williams

Bekas Pengurus Besar Operasi Penguatkuasaan, ACCC

Dari September hingga Disember, MyCC telah menjadi hos kepada Geoffrey Williams, bekas Pengurus Besar Operasi Penguatkuasaan cawangan Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) New South Wales yang berpangkalan di Sydney.

Pengalaman beliau dalam menguruskan dan memudahkan siasatan serta mengambil tindakan undang-undang berkaitan kes kartel dan penyalahgunaan

dominasi telah membantu MyCC menumpukan dan memperkemaskan prosedur penguatkuasaannya.

Sewaktu bersama MyCC, Williams telah melatih, membimbing dan menasihati kakitangan MyCC tentang isu-isu takrif pasaran dan penguatkuasaan. Selain itu, beliau juga telah memperkenalkan rancangan untuk memberi tumpuan dan mengatur siasatan untuk memenuhi matlamat dan jangka masa yang telah dikenalpasti.

**"Program penempatan ini menumpukan bimbingan dan pelatihan. Saya berharap dan menjangkakan bahawa kedua-dua organisasi akan terus berkembang dan hubungan kerjasama yang mendalam akan membawa hasil."**

## Pakeeza Mohd Junus

Pegawai Penyiasat dan Penguatkuasaan, MyCC

Pegawai Penyiasatan dan Penguatkuasa MyCC, Pakeeza Mohd Junus telah dipinjamkan ke cawangan-cawangan Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) Canberra dan Brisbane, dari Ogos hingga November.

Kerjasama itu telah mengukuhkan hubungan antara kedua-dua badan organisasi dan merupakan sebahagian daripada inisiatif pembelajaran dan perkembangan MyCC di bawah

perancangan strategik bagi 2012/2013.

Semasa di sana, Pakeeza menghadiri kursus latihan atas siasatan serta mengendalikan bahan bukti, menggunakan waran pencarian dan merekod keterangan saksi. Pengalaman beliau akan meningkatkan keupayaan penyiasatan MyCC serta membawa perspektif yang baharu kepada persaingan.




**"Kerjasama itu telah memberi manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu ACCC dan MyCC, serta membolehkan mereka memperolehi, mengekalkan dan berkongsi pengetahuan mengenai isu-isu dan kes persaingan."**

## PEMATUHAN UNTUK PKS

Walaupun terdapat lebih 700,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang meliputi lebih 97% daripada perniagaan domestik, tumpuan istimewa yang diperlukan oleh golongan ini menjadi fokus perbincangan dan perselisihan pendapat dalam kalangan pengamal undang-undang, pakar ekonomi dan pengawal selia persaingan. Walau bagaimanapun, terdapat satu konsensi menyatakan bahawa undang-undang persaingan memberi manfaat kepada PKS. Dalam mengimbangi hak dan tanggungjawab mereka, PKS tidak dikecualikan dari undang-undang persaingan. Pada masa yang sama, undang-undang persaingan turut melindungi mereka daripada tingkah laku pemangsa oleh pesaing dengan kuasa pasaran yang lebih besar.

### Bagaimana Aktiviti Tipuan Bida Berjalan



Tipuan bida merupakan kesalahan yang amat serius di bawah AP 2010. Ianya terjadi apabila PKS berpaktat secara sult dengan pesaing lain dan memanipulasi proses bidaan bagi mendapatkan ganjaran dalam bentuk tawaran subkontrak.

Di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010), PKS di Malaysia tidak dikecualikan daripada undang-undang persaingan. Aktiviti kartel seperti penetapan harga jualan, perkongsian pasaran, membataskan pengeluaran dan tipuan bida dikategorikan sebagai kesalahan serius yang akan mengakibatkan penalti berat dikenakan tanpa mengira saiz perusahaan. Namun demikian, PKS jelasnya akan mengalami kesan yang lebih teruk berbanding dengan pesaing yang lebih besar.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif ahli mereka seharusnya mempelajari MyCC, Shila Dorai Raj, perkongsian maklumat harga juga menimbulkan keimbangan kepada Suruhanjaya dengan kebiasaan persatuan atau pertubuhan industri menjalankan aktiviti ini. Walaupun begitu, MyCC tidak berhasrat menghalang peranan persatuan dalam menyediakan maklumat berkaitan statistik dan data industri termasuklah maklumat mengenai amalan perniagaan terbaik serta akses kepada latihan yang berkaitan untuk kegunaan ahli-ahlinya. Walau bagaimanapun, persatuan dan

ahli mereka seharusnya mempelajari dan membiasakan diri dengan jenis maklumat yang boleh dan tidak boleh dikongsi.

Disamping itu, pengusaha PKS perlu memastikan bahawa pekerja memahami bagaimana AP 2010 boleh diguna pakai untuk perniagaan mereka serta mengenal pasti risiko-risiko yang relevan kepada perusahaan mereka. Pengusaha PKS juga perlu memastikan bahawa prosedur pematuhan yang diamalkan seiring dengan bidang-

bidang berisiko. Dalam hal ini, persatuan mampu membantu memandangkan PKS yang terlibat dalam industri yang sama mungkin berdepan risiko pelanggaran undang-undang persaingan yang sama.

### Jelas dan Wajar

Menurut Dr Michael Schaper, Timbalan Pengerusi, *Australian Competition & Consumer Commission*, PKS tidak diberikan sebarang keistimewaan atau pengecualian daripada undang-undang, tetapi beliau kekal dengan pendirian bahawa pihak berkuasa perlu memikirkan faktor tertentu apabila berurus dengan PKS. Antaranya adalah dengan menyedari hakikat bahawa PKS sering mengalami masalah kekurangan nasihat perundungan dalam isu-isu persaingan. Ini mungkin menyukarkan mereka memahami dan mematuhi undang-undang.

"Kita perlu memperjelaskan perundungan persaingan dalam bahasa yang mudah untuk difahami," katanya sambil menambah bahawa tindakan penguatkuasaan yang setimpal adalah penting bergantung kepada tahap keseriusan sesuatu kesalahan serta saiz perniagaan yang terlibat.

Dr Schaper turut menyokong pendekatan penguatkuasaan yang sewajarnya, terutamanya pada peringkat awal penguatkuasaan undang-undang. Beliau memberikan contoh dalam kes penetapan harga oleh Persatuan Floriculturist Cameron Highlands. Dalam senario itu, amaran supaya penetapan harga dihentikan didapati mencukupi dalam menguatkuasakan undang-undang.

### Persaingan yang Sihat

Dr Shyam Khemani, Ketua Pakar Ekonomi, *Microeconomic Consulting & Research Associates* di Washington, DC sebaliknya berpandangan bahawa PKS perlu mengikut peraturan dan undang-undang yang sama seperti syarikat-syarikat yang lebih besar.

"Polisi penguatkuasaan terhadap PKS sepatutnya dipertimbangkan

memandangkan mereka mempunyai peluang yang sama untuk mengambil bahagian dalam pasaran yang dimiliki oleh syarikat-syarikat besar. Jika PKS memenangi sesuatu kontrak berdasarkan merit dan keupayaan mereka, ia adalah wajar dan tepat," kata beliau lagi.


Ternyata bahawa sesetengah PKS mungkin tidak mempunyai kapasiti tersendiri untuk mengemukakan bidaan, Dr Khemani mencadangkan bahawa mereka boleh menggembung sumber-sumber yang dimiliki oleh PKS yang lain bagi mengemukakan bidaan bersama seterusnya dapat mengatasi kelemahan yang disebabkan oleh saiz dan kemampuan. "Seperti undang-undang negara-negara lain, undang-undang Malaysia turut membenarkan amalan ini, tetapi ia perlu dilakukan dengan sikap terbuka dan telus," tambah beliau.

Walau bagaimanapun, bentuk atau struktur tender mampu menghalang penyertaan PKS dalam keadaan tertentu. Menurut Hilary Jennings, Ketua Program Perhubungan Global, Bahagian Persaingan, *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD), reka bentuk tender perlu diselaraskan bagi memaksimumkan bilangan pemohon yang berpotensi dan layak untuk menyertainya.

"Bagi PKS, salah satu masalah yang dihadapi semasa mengambil bahagian dalam tender adalah kosnya yang tinggi. Selain itu, reka bentuk tender juga sering menjadikan ianya mustahil bagi PKS memenuhi keseluruhan kontrak," kata beliau.

Beliau mencadangkan bahawa kontrak yang sangat besar dibahagikan kepada segmen yang lebih kecil, seterusnya membolehkan PKS yang mampu dan berkelayakan bersaing dan mengambil bahagian dalam pasaran terbuka. Walaupun dasar persaingan sepatutnya tidak menyebelahi manapun pihak, Jennings kekal dengan pendirian bahawa memperbaiki reka bentuk tender merupakan satu usaha positif ke arah meningkatkan jumlah keseluruhan persaingan.

### Perusahaan Malaysia Berdasarkan Saiz




Jabatan Perangkaan, Malaysia (2012) *Bancian Ekonomi 2011: Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana*

*Seperti tafsiran undang-undang itu sendiri, terdapat pelbagai perspektif berlainan mengenai peranan kedua-dua pihak iaitu badan berkuasa persaingan dan pengusaha perniagaan, dalam menggalakkan pematuhan terhadap Akta Persaingan 2010. Usahawan perlu sentiasa menyedari tanggungjawab mereka terhadap pematuhan kepada undang-undang. Walaupun undang-undang persaingan di Malaysia tidak memperuntukkan pengecualian untuk PKS, mereka boleh mendapat manfaat daripada penguatkuasaan undang-undang yang tegas.*

# DARIPADA MyCC

Pada 2 September 2013, MyCC telah melancarkan ‘Competition Act 2010: A Guide For Business’ di Kuala Lumpur manakala pelancaran buku panduan tersebut di Sabah telah berlangsung pada 28 November dan di Sarawak pada 29 November. Memandangkan bidang kuasa Akta Persaingan 2010 (AP 2010) terpakai bagi perniagaan tempatan dan sebarang aktiviti komersial yang mempengaruhi pasaran Malaysia, buku panduan ini merupakan sumber rujukan yang amat penting untuk syarikat-syarikat di seluruh dunia.



‘Competition Act 2010: A Guide For Business’ mempunyai glosari bagi istilah-istilah utama, yang akan memberi faedah kepada syarikat-syarikat yang tidak memiliki penasihat perundangan sendiri seperti perusahaan kecil dan sederhana. Di samping itu, ia juga menekankan peranan MyCC, aktiviti yang dilarang dan kesan pelanggaran AP 2010 selain hak dan tanggungjawab perusahaan.

Kesemua pemilik dan pengendali perusahaan di Malaysia serta mereka yang mempengaruhi pasaran di Malaysia seharusnya mendapatkan sesalian ‘Competition Act 2010: A Guide For Business.’

Perusahaan diharapkan lebih bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan undang-undang persaingan dan ‘Competition Act 2010: A Guide For Business’ adalah suatu sumber yang penting untuk meningkatkan taraf persaingan perniagaan di Malaysia.

**D**ilancarkan pada 25 September semasa Persidangan Undang-Undang Persaingan MyCC yang Pertama, ‘Competition Act 2010: Compliance Guidelines’ merupakan penerbitan MyCC yang terbaru. Ia memaparkan kaedah pembangunan program pematuhan terhadap perniagaan dan cadangan yang lebih spesifik serta praktikal untuk dicapai. Ia ditulis dalam bahasa yang jelas serta memudahkan pemahaman terhadap maklumat yang dikandung.

Buku panduan ini menyediakan gambaran menyeluruh serta menentukan perkara yang terlibat dalam membentuk program pematuhan, manfaat dalam menggunakan, dan cara-cara untuk mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang berkaitan dengan perniagaan, serta komponen paling penting yang perlu diterapkan ke dalam setiap program pematuhan.

Semua syarikat sama ada besar dan kecil adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010) yang membawa keperluan ke atas setiap perusahaan di Malaysia untuk membangunkan program pematuhan yang menyeluruh secara segera. Garis panduan ini amat bermanfaat untuk perniagaan kecil, terutamanya mereka yang mempunyai kepakaran perundangan yang terhad. ‘Competition Act 2010: Compliance Guidelines’ juga menggariskan isu-isu utama yang perlu diberi perhatian oleh perniagaan dalam pelbagai industri, dan contoh-contoh diberi dalam usaha menguatkuasakan undang-undang pematuhan.

*Selain menyebarkan kesedaran mengenai dasar persaingan dan peruntukan khas persaingan di Malaysia, keutamaan MyCC adalah untuk meningkatkan kesedaran awam dan memudahkan pematuhan AP 2010. Garis panduan ini juga akan turut membantu dalam pemahaman mengenai advokasi persaingan di Malaysia.*

Buku ini serta koleksi buku panduan dan penerbitan mengenai undang-undang persaingan Malaysia boleh dimuat turun dari laman web MyCC ([www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)).





**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**  
**MALAYSIA COMPETITION COMMISSION**  
MEGGALAKKAN PERSAINGAN, MELINDUNGI ANDA



Kebebasan untuk  
Mengamalkan Perniagaan  
dalam Persekutaran  
yang Sihat dan  
Berdaya Saing

Kami adalah badan bebas yang ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Persaingan 2010* dan diamanahkan untuk melindungi proses persaingan untuk memanfaatkan perniagaan dan pengguna.

Misi kami adalah untuk memupuk budaya persaingan yang sihat dan adil, melalui pendidikan dan penguatkuasaan *Akta Persaingan 2010*, yang diwartakan pada Jun 2010 dan dikuatkuasakan pada Januari 2012.

IKUTI KAMI DI:



[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)



[www.facebook.com/theMyCC](https://www.facebook.com/theMyCC)



[www.youtube.com/MyCompetitionNews](https://www.youtube.com/MyCompetitionNews)